

Anugerah Emas di Dubai bukti komitmen kerajaan melestarikan alam

April 20, 2022 @ 6:35pm



Pavilion Malaysia merangkul Anugerah Emas bagi Tafsiran Tema di bawah kategori Pavilion Kecil oleh Bureau International des Expositions (BIE). - Foto Facebook Ismail Sabri Yaakob

KUALA LUMPUR: Kejayaan Pavilion Malaysia merangkul Anugerah Emas sempena Anugerah Pavilion Ekspo 2020 Dubai mencerminkan kejayaan negara menyampaikan komitmen terhadap kelestarian dengan mengekalkan biodiversiti di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, anugerah itu juga adalah testimoni antarabangsa terhadap pengisian program di Pavilion Malaysia seiring dengan tema, konsep dan reka bentuk Pavilion yang bertemakan kanopi hutan hujan (*rainforest canopy*).

"Ini termasuk mengguna pakai pelbagai konsep semula jadi seperti air terjun, taman-taman menegak dan elemen-elemen semula jadi yang lain.

"Tahniah Pavilion Malaysia. Pada 30 Mac lalu Pavilion Malaysia merangkul Anugerah Emas bagi Tafsiran Tema di bawah kategori Pavilion Kecil oleh Bureau International des Expositions (BIE)," kata Ismail Sabri menerusi catatan di laman Facebook hari ini.

Membawa tema '*Energising Sustainability*', Pavilion Malaysia menceritakan bagaimana kemajuan sosio ekonomi boleh berlaku tanpa mengorbankan alam sekitar, dengan rakyat membina kemajuan ke arah masa depan yang lebih mampan. – BERNAMA